



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pinjam wang saudara serah kepada sindiket Macau Scam

Language: Malay

Publication/Portal: Kosmo

Section: Negara

Date: 19 January 2021

Page: 11

## Pinjam wang saudara serah kepada sindiket Macau Scam



**MOHD. SALLEH**

**JOHOR BAHRU** – Seorang penjawat awam kerugian RM200,000 akibat diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai anggota polis dalam kejadian di Batu Pahat kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Johor, Asisten Komisioner Mohd. Salleh Abdullah berkata, mangsa berusia 37 tahun dihubungi seorang lelaki yang menyamar sebagai pekerja syarikat penghantaran di Sabah pada Oktober lalu.

Lelaki itu membuat helah kononnya maklumat diri mangsa

telah disalahgunakan bagi penghantaran kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM) dan cek.

“Panggilan telefon itu kemudiannya disambungkan kepada suspek lain yang menyamar sebagai anggota polis Sabah.

“Sindiket memaklumkan mangsa terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram dan diminta mengikut arahan yang diberikan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Mohd. Salleh memberitahu, mangsa memindahkan wang simpanannya berjumlah RM170,000

dan RM30,000 lagi yang dipinjam daripada saudara terdekat ke dalam akaun bank yang diberikan oleh anggota sindiket berkenaan.

Transaksi pemindahan wang itu dilakukan selama tiga hari sejak 15 November lalu.

Mangsa hanya menyedari dia telah menjadi mangsa tipu selepas membuat semakan dengan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah sebelum membuat laporan di Balai Polis Batu Pahat kelmarin.

Kes disiasat mengikut Seksyen

402 Kanun Keseksan kerana kesalahan menipu.

Sehubungan itu, polis mengingatkan orang ramai agar tidak mudah terpedaya dan membuat semakan terlebih dahulu dengan pihak berkuasa sebelum melakukan sebarang transaksi pembayaran.

Masyarakat juga dinasihatkan agar tidak panik sekiranya mendapat panggilan sedemikian kerana polis tidak akan menghubungi mana-mana individu bagi membantu siasatan melalui panggilan telefon.